

# Mesyuarat guna bahasa Melayu

## Kabinet mahu agensi kerajaan perkasa bahasa kebangsaan

Oleh Rohaniza Idris

**K**UALALUMPUR: Semua agensi di bawah kerajaan termasuk badan berkanun dan pihak berkuasa tempatan (PBT) diminta mengadakan mesyuarat rasmi kerajaan dalam bahasa kebangsaan.

Perkara itu antara 13 cadangan yang dikemukakan Jawatankuasa Induk Memperkasa Bahasa Kebangsaan (JKIMBK) yang dipersetujui Kabinet, kelmarin.

Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Hussein dalam kenyataan bersama Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Dr Rais Yatim yang dikeluarkan semalam, berkata jentera pentadbiran kerajaan harus menggalakkan penggunaan bahasa kebangsaan dalam urusan harian.

Katanya, Kabinet juga bersetuju bahasa kebangsaan adalah bahasa

utama dan bahasa Inggeris digunakan sebagai bahasa kedua walaupun kemahiran menggunakan dwibahasa dialu-alukan.

"Kabinet juga bersetuju JKIMBK mencari jalan supaya bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan terus dikembangkan, diamalkan dan diiktiraf dengan cara yang betul, bertena, popular dalam semua bidang selaras kedudukannya sebagai bahasa rasmi negara seperti diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan," katanya dalam kenyataan dikeluarkan di sini, semalam.

Semalam, Rais dilaporkan berkata, Kabinet bersetuju memberi kuasa penguatkuasaan kepada Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) untuk membetulkan kesalahan bahasa kebangsaan.

Hishammuddin yang juga pengerasi bersama JKIMBK berkata, Kabinet kelmarin mengemukakan ca-

dangan dan syor dari masa ke semasa kepada kerajaan supaya matlamat serta dasar bahasa kebangsaan dilaksanakan tanpa sebarang halangan akibat kerenah birokrasi.

Katanya, jawatankuasa berkenaan akan memantau program dan pencapaian yang berkaitan bahasa kebangsaan termasuk keberkesanan sukatan pelajaran dan pengajaran bahasa kebangsaan, Dasar Buku Negara, kempen membaca dan program menyemarakkan bahasa.

"Kabinet juga bersetuju usaha menggalakkan budaya membaca dan memiliki buku serta mahu struktur tarif atau cukai yang dikenakan ke atas pengimportan kertas cetak dikaji semula.

"Pelepasan cukai pendapatan yang wajar bagi setiap tahun dan jumlah yang dibelanjakan untuk membeli buku juga perlu dikaji semula," katanya.